

\*\*\*\*\*

***KESIMPULAN***  
***DAN***  
***PENUTUP***

\*\*\*\*\*

## KESIMPULAN DAN PENUTUP

Melihat kepada riwayat hidup Abū Yusuf, beliau adalah berasal dari keturunan orang-baik-baik yang mana datuknya sama-sama berjuang dengan Rasulullah s.a.w dalam memperjuangkan Islam. Walaupun berasal dari keluarga yang miskin, tetapi beliau terus belajar hingga mencapai tahap pendidikan yang tinggi serta keilmuan yang disanjung oleh semua golongan samada daripada *ahli al-ra'y* dan juga *ahli al-hadīth* dan juga oleh gurunya sendiri, Imam Abū Ḥanīfah. Ketokohan beliau sebagai seorang ilmuwan dan hakim dibuktikan dengan perlantikan beliau sebagai Qadi di Baghdad selama 16 tahun dan merupakan orang pertama di dalam sejarah Islam digelar sebagai *Qādi al-Qudāt*.

Malahan apa yang lebih disanjung terhadap beliau ialah penulisan beliau yang unggul sehingga berjaya mengembangkan anutan mazhabnya iaitu mazhab Hanafi ke seluruh pelusuk dunia dengan pemikirannya tersendiri daripada pengasas mazhab tersebut iaitu Abū Ḥanīfah. Keunggulannya lebih cenderung kepada perundangan bermula dari penulisan kitab *Uṣūl al-Fiqh* hinggalah kepada sistem kewangan Islam iaitu melalui *Kitāb al-Kharāj*.

Keistimewaan *Kitāb al-Kharāj* boleh disimpulkan sebagai sebuah kitab yang merangkumi semua topik dalam bidang fiqh dan membuktikan keunggulannya sebagai salah sebuah kitab besar dalam bidang fiqh. Apabila melihat kepada kandungan *Kitāb al-Kharāj* ini, didapati bahawa idea-idea yang

dikemukakan amat menarik untuk dijadikan asas pengkajian dalam memahami konsep harta dalam Islam yang dikhususkan kepada sistem percukaian Islam. Namun begitu, metod dan format penulisannya sukar untuk difahami kerana ianya tidak dikhususkan mengikut topik-topik tertentu. Keadaan ini menyukarkan untuk mendapat fakta yang sebenar ataupun isi penting mengenai sistem kewangan Islam. Ini kerana ia memulakan penerangannya dengan menceritakan atau meriwayatkan berdasarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku dan kemudiannya barulah menerangkan fakta yang dikehendaki. Maka, sekiranya ada usaha-usaha oleh pihak yang berkemampuan untuk menulisnya dalam metod dan format baru akan lebih menyerlahkan keistimewaan kitab ini.

Seterusnya, apabila melihat kepada konteks sistem kewangan Islam secara menyeluruh, didapati topik perbincangannya terlalu meluas yang bermula daripada konsep harta di dalam Islam sehinggalah kepada konsep percukaian Islam. Ringkasnya sistem kewangan Islam mestilah diasaskan kepada objektif dan asas falsafah sistem ekonomi Islam yang utama iaitu Allah s.w.t adalah pemilik segala yang ada di muka bumi ini. Ekoran daripada inilah segala bentuk sistem samada sistem ekonomi, kewangan dan percukaian dalam Islam adalah menjurus kepada matlamat yang satu iaitu kesejahteraan dan kebajikan seluruh makhluk di dunia ini ataupun dengan istilahnya *al-Falāḥ*. Perkara ini yang menjadi dorongan kepada kita untuk melihat kesyumulan Islam dari segala aspek dapat dilaksanakan. Oleh itu, kajian yang lebih mendalam diperlukan dalam merealisasikan matlamat ini.

Manakala konsep percukaian di dalam Islam adalah bertitik tolak atas prinsip keadilan dan kebajikan tanpa mengira samada orang Islam atau orang bukan Islam. Ini boleh dilihat dalam pengenaan cukai jizyah kepada orang bukan Islam dan zakat kepada orang Islam. Ini mewujudkan hak dan peluang yang sama antara kedua-dua golongan dan dapat menikmati hak dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh negara. Harta *al-fay'* yang meliputi cukai tanah, persendirian iaitu cukai kepala dan cukai *ushur* atau dikenali sebagai cukai kastam yang dikenakan terhadap orang bukan Islam memperlihatkan keseimbangan bayaran atau cukai wajib yang dikenakan ke atas orang Islam iaitu zakat yang antaranya zakat fitrah, zakat perniagaan dan zakat hasil tanaman. Pendapatan hasil cukai yang didapati dalam pelbagai bentuk membuktikan bahawa agama Islam mempunyai peraturan dan sistemnya yang tersendiri dalam mengagihkan harta kekayaan yang mewujudkan prinsip keadilan sosialnya yang tersendiri.

Akhirnya melalui kitab ini, pada asasnya pengenaan cukai samada penambahan atau pengurangan, serta kadar cukai dan bentuk bentuk cukai yang dikenakan adalah bergantung kepada pemerintah pada satu-satu masa. Ini boleh dilihat dalam perbezaan pendapat antara Saidina Abu Bakar r.a dan Saidina <sup>o</sup>Umar al-Khattab r.a dalam kes tanah *al-Sawād* di Iraq. Dalam hal ini, beliau melihat kepada kemaslahatan generasi kemudian perlu dipelihara akibat daripada perubahan sosial dan ekonomi sesebuah masyarakat itu. Ringkasnya kadar cukai itu berbeza mengikut tempat, keadaan semasa, jenis tanaman, keluasan tanah dan sebagainya. Pentadbiran cukai ini juga meliputi sistem gaji yang diperkenalkan oleh <sup>o</sup>Umar al-Khattab r.a iaitu upah bagi pengutip cukai berbentuk seekor lembu

yang dibahagikan kepada tiga orang sebagaimana yang diceritakan oleh Abu Yusuf.<sup>1</sup>

Selain itu, kitab ini juga membincangkan topik yang berhubung dengan undang-undang jenayah Islam seperti hukum murtad, pemberontakan dan juga muamalat Islam iaitu jualbeli. Inilah yang membezakan antara penulisan-penulisan sekarang mengenai kewangan Islam dengan *Kitāb al-Kharāj*. Ini menunjukkan bahawa pemikiran fuqaha' terdahulu merangkumi segala aspek yang ada pada Islam tanpa memecahkannya kepada aspek-aspek yang tertentu sahaja.

Berbalik kepada sistem percukaian yang diutarakan oleh Abu Yusuf ianya berpaksikan kepada ketakwaan kepada Allah s.w.t yang melahirkan prinsip-prinsip yang merangkumi aspek ekonomi, kebajikan masyarakat dan nilai-nilai moral yang menjadi tunjang kepada sistem ekonomi Islam. Penulis merasakan satu kekurangan dan kelemahan dalam disertasi ini kerana tiada perbandingan antara sistem percukaian Islam dengan sistem percukaian konvensional masa kini. Maka dari segi aplikasi ianya tidak dapat dibandingkan dengan realiti sistem yang digunakan sekarang ini. Walau bagaimanapun, penulis berharap kajian ini akan membuka jalan kepada kajian yang seterusnya dan juga khazanah ilmu Islam yang berharga diteroka kembali agar tidak hilang begitu sahaja oleh kemajuan dan pengagungan terhadap ilmu-ilmu barat.

---

<sup>1</sup> Muhammad Ibrahim al-Banā (Dr.) (1981), *Kitāb al-Kharāj li Abī Yūsuf*, Dar al-Islāh, m.s. 87.